

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

16. Berapakah indeks jenayah di Negeri Pulau Pinang?

- (a) Adakah berlaku penurunan setiap tahun dan peranan Kerajaan Negeri dalam penyediaan CCTV membantu mengurangkannya?
- (b) Sila senaraikan inisiatif Bandar Selamat yang akan dilaksanakan dalam KADUN Air Itam bagi tahun 2019 hingga 2023.
- (c) Senaraikan juga lokasi kekerapan berlaku jenayah di setiap Daerah di Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

16. Usaha berterusan bagi mengurangkan indeks jenayah dalam negeri ini menunjukkan pencapaian memberangsangkan menerusi penurunan kadar jenayah sehingga 10 peratus dari awal tahun sehingga Julai 2018. Berikut adalah kedudukan Jenayah Indeks Kontinjen Pulau Pinang bagi tempoh 1 Januari 2018 hingga 12 Julai 2018:-

Jenayah Indeks	Nilai Ambang	Pencapaian	Naik / Turun (+ / -)	Peratusan (%)
Jenayah Kekerasan	577	461	-116	-20.1%
Jenayah Hartabenda	2,393	2,210	-183	-7.6%
Keseluruhan Jenayah Indeks	2,970	2,671	-299	-10.1%

Berdasarkan statistik Indeks, terdapat penurunan jenayah indeks di antara tahun 2015 hingga tahun 2017. Ia didorong dari pelaksanaan Program Kepolisian Moden yang membolehkan pihak berkuasa lebih pantas bertindak dan menyelesaikan kes jenayah. Berikut adalah pecahannya;

Jenayah Indeks	Tahun		
	2015	2016	2017
Jenayah Kekerasan	405	381	446
Jenayah Hartabenda	1,999	1,751	1,451
Keseluruhan Jenayah Indeks	2,404	2,132	1,897

- (a) Fungsi CCTV (*Closed Circuit Television*) memainkan peranan yang penting dalam membantu mengenalpasti dan menyelesaikan kes-kes jenayah. Dengan bantuan alat tersebut penjenayah akan dikenalpasti dengan lebih berkesan. Peranan CCTV dalam pembasmian jenayah termasuk memantau keberkesanan pelaksanaan inisiatif

Program Bandar Selamat dalam menangani jenayah jalanan, mengenalpasti dan memantau kawasan '*hotspot*' jenayah sedhada dan berpotensi, serta menyediakan pelbagai maklumat dalam pelaksanaan langkah-langkah pencegahan jenayah.

- (b) Bandar Selamat merupakan suatu pendekatan ke arah perancangan dan pembangunan yang mengutamakan aspek keselamatan dalam rekabentuk persekitaran bandar. Melalui penerapan Konsep Bandar Selamat, kemajuan dan pembangunan di sesuatu bandar adalah lebih efektif dengan mengambilkira aspek kemajuan ekonomi dan jaminan persekitaran yang selamat untuk penduduk dan pengguna. Sejumlah empat (4) inisiatif Program Bandar Selamat telah dikenalpasti di KADUN Air Itam bagi Tahun 2019 hingga 2023 iaitu Program Pencahayaan, Pengasingan Laluan Pejalan Kaki Dari Laluan Bermotor, Penggunaan Cermin Keselamatan / Pembersihan Semak Samun dan juga pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV).
- (c) Lokasi kekerapan berlaku jenayah mengikut daerah di Pulau Pinang adalah seperti berikut :-

Daerah	Balai Polis	Lokasi Yang Kerap Berlaku Jenayah
Timur Laut	Jalan Patani	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Jalan Patani – termasuk Jalan Maccalister dan Kawasan Perumahan Gat Lebuah Macallum
	Jelutong	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Jelutong – termasuk Jalan Jelutong
	Central	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Central – termasuk Jalan Pinang

	Pulau Tikus	Jalan Gurney
		Jalan Burmah
	Bandar Baru	Bandar Baru Farlim dan Kawasan Perumahan Paya Terubong (Sun Moon City / Bina Nusa / Majestic Height)
	Sungai Nibong	Kawasan Perumahan Sungai Nibong Kecil dan Kawasan Perumahan Relau, Jalan Relau
Barat Daya	Bayan Lepas	Taman Sungai Ara
		FIZ
	Bayan Baru	Kawasan Perumahan Mayang Pasir dan Bukit Gedung
Seberang Perai Utara	Butterworth	Jalan Raja Uda
	Kepala Batas	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Kepala Batas
	Mak Mandin	Kawasan Mak Mandin
Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam	Jalan Rozhan
		Kawasan Megat Harun
	Bukit Tengah	Kawasan Taman Pelangi
		Kawasan Bandar Perda
Seberang Perai	Nibong Tebal	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Nibong Tebal

Selatan	Simpang Ampat	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Simpang Ampat
	Sungai Bakap	Kawasan ' <i>blackspot</i> ' Sungai Bakap